

PM gesa DBKL baiki kawasan perniagaan uzur

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk turun padang meninjau kawasan perniagaan yang usang, uzur dan memerlukan penambahbaikan di sekitar Jalan Masjid India.

Beliau berkata, deretan kedai dan gerai, termasuk yang telah bertapak sekian lama di kawasan berkenaan merupakan kawasan tarikan utama pelancong di ibu kota yang perlu diambil perhatian.

"Ada kedai yang rosak, ada yang teruk (keadaannya). Saya minta DBKL, Kementerian Wilayah tengok dan segerakan (baik pulih). Ini kawasan tumpuan ramai

"Ini boleh dilakukan dan diselesaikan menggunakan kaedah fast track bagi memberi ke-selesaian kepada pengunjung dan pada masa yang sama, membantu peniaga dan penjaja kecil memajukan perniagaan mereka," katanya kepada pemberita ketika melakukan tinjauan di sekitar Jalan Masjid India. - *Bernama*